

# Kalimullah saman Matthias Chang "

## SPH mohon maaf siar kenyataan bekas Setiausaha Politik Dr M

Oleh Abdul Halim Yusoff

**K**UALA LUMPUR: Timbalan Pengerusi The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd, Datuk Kalimullah Hassan memfailkan saman RM50 juta terhadap bekas Setiausaha Politik kepada Tun Dr Mahathir Mohamad, Matthias Chang kerana memfitnah.

Kenyataan Chang yang didakwa berunsur fitnah itu, dibuat dalam sidang akhbar di sini pada 13 Jun lalu dan disiarkan secara penuh oleh akhbar *Straits Times*, Singapura, pada 14 Jun.

Peguam Kalimullah, Prakash Menon, berkata dalam writ saman yang difailkan di Mahkamah Tinggi di sini Khamis lalu, anak guamnya juga memohon perintah injunksi bagi menghalang Chang, daripada mengulangi kenyataan itu.

Dalam artikel bertajuk 'Mahathir loyalist blast Abdullah's supporter' yang disiarkan akhbar Singapura itu, Chang didakwa mengeluarkan pelbagai tuduhan yang berunsur fitnah terhadap Kalimullah.

Menon berkata, selain saman fitnah, pihaknya semalam mendapat injunksi ex-parte daripada Mahkamah

Tinggi bagi menghalang Chang daripada terus mengeluarkan sebarang kenyataan yang berunsur penghinaan terhadap Kalimullah.

Perintah injunksi itu dikeluarkan Hakim Mahkamah Tinggi, Kang Hwee Kee.

"Kami memfailkan writ itu supaya Chang, pekerja atau ejennya dihalang dan injunksi sementara dikeluarkan bagi menghalang dirinya sendiri atau melalui pekerja atau ejennya, daripada melafazkan atau menerbitkan, atau menyebabkan dilafazkan atau diterbitkan kenyataan yang dibuatnya pada sidang akhbar-nya pada 13 Jun," kata Prakash.

Mahkamah juga menetapkan 25 Julai ini untuk mendengar permohonan injunksi inter-parte.

Sementara itu, Singapore Press Holdings Limited (SPH), Penerbit akhbar *Straits Times*, semalam memohon maaf kepada Kalimullah berhubung artikel yang mengandungi dakwaan Chang itu.

Menon berkata, pihaknya menerima permohonan maaf daripada akhbar itu dan tidak bercadang mengam- bil tindakan lanjut terhadapnya.

SPH dalam permohonan maafnya

### Apology

IN THE 14 June 2006 edition of *The Straits Times*, we caused to be published in an article entitled "Mahathir loyalist blasts Abdullah's supporters" ("the Article") various assertions ("the Assertions") against Dato Kalimullah Bin Masheerul Hassan, including the following:

We further acknowledge that we have no basis to make the Assertions.

We unreservedly apologise to Dato Kalimullah for any distress, embarrassment and injury he has suffered on account of the Article.

We undertake not to make further assertions against Dato Kalimullah to the same or similar effect.

**SINGAPORE PRESS HOLDINGS LIMITED**  
4 July 2006

**MOHON MAAF:** Keratan kenyataan SPH yang disiarkan *Straits Times*, kelmarin.

yang disiarkan *Straits Times* semalam, menjelaskan ia tidak dalam apa cara sekalipun menyokong atau mengesahkan dakwaan yang dibuat terhadap Kalimullah.

"Kami juga mengakui bahawa kami tidak mempunyai asas untuk membuat dakwaan itu.

"Kami memohon maaf sepenuhnya kepada Kalimullah bagi perasaan sedih, malu dan penghinaan yang dirasainya akibat daripada artikel itu.

"Kami berjanji tidak akan menyirakan ada-apa dakwaan lagi terhadap Kalimullah yang membawa kesan serupa," kata kenyataan itu.